



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

# Harapan tangani beban kos sara hidup



**S**ecara umumnya tahun ini cukup mencabar kepada pihak kerajaan. Pelbagai peristiwa, insiden dan suka duka yang berlaku sepanjang tahun merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik menyebabkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terpaksa berfikir di luar kotak dan mengambil tindakan kurang popular serta di luar kebiasaan agar dapat meneruskan keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Kegawatan ekonomi yang meruncing sehingga nilai mata wang jatuh mendadak, bilangan peluang pekerjaan yang sedikit yang menyebabkan penganggur semakin meningkat, masalah perpaduan kaum yang dilihat terus menjadi duri dalam daging serta isu politik dalaman baik UMNO mahupun parti komponen Barisan Nasional (BN) menjadikan 2015 sebagai antara tahun yang dikira sangat genting bagi survival politik Najib dan juga BN secara keseluruhannya.

Justeru, pembentangan Bajet 2016 dinantikan oleh seluruh lapisan masyarakat bagi melihat komitmen, iltizam dan keazaman kerajaan untuk mengurangkan semua masalah rakyat terutama beban kewangan seterusnya cukup signifikan untuk menilai sejauh mana kerajaan dapat terus menarik sokongan dan keyakinan rakyat.

Antara isu yang cukup sensitif dan menuntut campur tangan kerajaan secara efektif ialah isu peningkatan kos sara hidup. Peningkatan kos sara hidup dilihat berlaku secara mendadak sehingga Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menganggarkan berlaku peningkatan kos sara hidup sekurang-kurangnya 33 peratus dalam kalangan masyarakat berdasarkan aduan diterima sejak awal Januari hingga September lalu.

Keadaan ini menunjukkan rakyat umpsama tersebut dalam kehidupan yang semakin mencabar. Ekonomi yang tidak menentu hingga nilai mata wang kita tidak stabil, akhirnya menyebabkan harga barang meningkat secara mendadak, sekali gus mengurangkan nilai pegangan wang tu-

nai dalam kalangan rakyat. Penduduk bandar yang tergolong dalam kategori miskin dan berpendapatan sederhana misalnya walaupun suami dan isteri bekerja masih belum mampu menampung kos sara hidup seisi keluarga yang merangkumi sewa rumah, ansuran kereta, perbelanjaan perkembangan anak serta perbelanjaan makan dan minum sehari-hari.

## Penyelesaian realistik

Maka diharapkan pihak kerajaan dapat tampil dengan perancangan jangka panjang dan penyelesaian yang lebih realistik supaya dapat mengatasi masalah runcing ini seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Dalam hal ini di samping kita berharap ada peningkatan dalam kadar bantuan kewangan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ataupun pengurangan dalam cukai pendapatan, kita juga berharap sebagai langkah jangka panjang kerajaan dapat terus mengawal peningkatan harga barang serta menambah bilangan peluang pekerjaan demi kehidupan rakyat kita.

Hakikatnya, keperluan golongan miskin dan sederhana bandar perlu diberi perhatian khusus dalam bajet kali ini kerana mereka dilihat cukup terkesan akibat kenaikan kos sara hidup.

Memang mereka mampu berkerja, namun peningkatan kos sara hidup secara berlipat kali ganda melebihi kemampuan gaji yang diperoleh setiap bulan. Akibatnya terpaksa berhutang ataupun meningkat perut untuk meneruskan kehidupan sehari-hari. Hidup golongan ini sudah menjadi umpsama kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Pada masa sama kita juga berharap agar isu pemilikan rumah juga terus diberikan perhatian khusus dalam bajet kali ini. Rumah keperluan asas setiap rakyat tetapi kenaikan harga rumah yang mendadak terutama di kawasan bandar yang boleh dikatakan langsung tidak masuk akal menyebabkan majoriti penduduk miskin bandar ataupun golongan sederhana masih tidak mampu memiliki rumah sendiri. Dalam konteks ini kita mahukan kerajaan bertindak isu ketamakan pihak pemaju perumahan ditangani dan disekat secara serius agar tidak berlarutan. Di samping itu

kita juga berharap lebih banyak lagi perumahan mampu milik dapat disediakan di tanah milik kerajaan terutama di lokasi strategik berserta kemudahan pinjaman perumahan khusus untuk golongan miskin dan berpendapatan sederhana di kawasan bandar.

## Perancangan

Apapun perancangan dan hasrat kita percayalah semuanya tidak akan membawa sebarang makna andai negara kita porak peranda, keselamatan dan kedaulatan tidak terjaga mahupun terancam, politik tidak stabil dan masyarakat hidup dalam ketakutan. Maka apa yang diperlukan ialah langkah untuk terus memperkuat kesstabilan politik pihak pemerintah serta memperkasakan tahap perpaduan nasional dan keharmonian kaum dalam kalangan pelbagai lapisan rakyat kita yang boleh bertindak sebagai benteng yang kukuh. Rakyat perlu diyakinkan bahawa kerajaan berada di landasan yang betul dan sentiasa mengutamakan kepentingan awam dalam membuat sebarang keputusan.

Realitinya mutahir ini pelbagai insiden, pertelingahan dan provoksi dicetuskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan pelbagai agenda peribadi. Akibatnya negara kita digambarkan seolah-olah huru-hara, tidak lagi aman, tenang dan selamat. Imej negara juga diburukkan di luar negara dengan pelbagai cara. Percayalah ini semua tidak sihat untuk negara dan masyarakat kita tatkala kita menuju status negara maju berpendapatan tinggi pada 2020. Maka unsur penyebaran fitnah terutama di media sosial perlu ditangani secara serius, tegas dan berhemah.

Justeru diharapkan bajet kali ini juga akan memberi fokus tambahan dengan pelbagai perancangan untuk menyatapadukan rakyat kita yang menjadi nadi dan tulang belakang kejayaan negara sejak merdeka. Semoga Bajet 2016 mampu menjadi bajet mesra rakyat yang mencakna dan memenuhi keperluan, tuntutan dan harapan rakyat marhaen yang dilihat semakin tersebut dan terhimpit untuk meneruskan kehidupan sehari-hari.

**FAKTA**  
**PPIM menganggarkan berlaku peningkatan kos sara hidup sekurang-kurangnya 33% dalam kalangan masyarakat**